



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN HUTAN DAN PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN
PENGELUARAN BALAK**

KETETAPAN UMUM NO. 11/2014

TARIKH PENERBITAN: 31 Disember 2014



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN HUTAN DAN PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN
PENGELUARAN BALAK**

**Ketetapan Umum No. 11/2014
Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2014**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama pada 31 Disember 2014

© 2014 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN HUTAN DAN PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN
PENGELUARAN BALAK**

Ketetapan Umum No. 11/2014
Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2014

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Perbelanjaan Hutan Yang Layak Dan Pengiraan Elaun	2
5. Pemberhentian Kekal Perniagaan Mengeluarkan Balak	3
6. Pelupusan Hutan Dan Pengiraan Kenaan Hutan	4
7. Pilihan Untuk Membahagikan Kenaan Hutan	5
8. Kontraktor Pembalakan Yang Bukan Pemegang Lesen	6
9. Satu Perniagaan Atau Perniagaan Yang Berasingan	8

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan:

- (a) jenis perbelanjaan modal yang layak untuk elaun hutan;
- (b) pengiraan elaun hutan;
- (c) pengiraan kenaan hutan kerana pemberhentian kekal bagi perniagaan untuk mengeluarkan balak dan pelupusan hutan kemudiannya; dan
- (d) layanan cukai berhubung dengan perbelanjaan pembalakan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] yang berkaitan dengan KU ini adalah subseksyen 33(1) dan perenggan 39(1)(g), perenggan 8, 28 hingga 32 dan proviso kepada subperenggan 42(1) Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Hutan” yang berhubung dengan seseorang, bermaksud hutan yang mana beliau mempunyai konsesi atau lesen untuk mengeluarkan balak daripada hutan yang merupakan hutan yang digunakan olehnya untuk mengeluarkan balak daripada hutan bagi maksud perniagaannya yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian daripada pengeluaran itu.
- 3.2 “Konsesi” bermaksud hak yang diberikan oleh kerajaan kepada seseorang untuk menjalankan suatu aktiviti tertentu di kawasan tertentu;
- 3.3 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan suatu syarikat) termasuklah Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.
- 3.4 “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 “Pelupusan hutan” bermaksud pemindahhakan, penyerahhakan atau penyerahan konsesi atau lesen untuk suatu balasan atau bayaran yang bernilai.
- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Perbelanjaan Hutan Yang Layak Dan Pengiraan Elaun

- 4.1 Seseorang yang telah diberi konsesi atau lesen dan menjalankan perniagaan mengeluarkan balak layak menuntut elaun hutan ke atas perbelanjaan yang dilakukan di dalam hutan untuk membina –
- (a) jalan atau bangunan yang digunakan bagi maksud perniagaan mengeluarkan balak dan kadar elaun ialah satu persepuluh (10%) daripada perbelanjaan yang dilakukan. Sebagai kelonggaran, jambatan atau jeti yang dibina untuk perniagaan tersebut juga layak untuk elaun yang ditetapkan; atau
 - (b) bangunan yang disediakan bagi tujuan kebajikan atau tempat kediaman pekerja yang digaji untuk mengeluarkan balak dan kadar elaun ialah satu perlima (20%) daripada perbelanjaan yang dilakukan.
- 4.2 Jalan atau bangunan yang dibina di dalam hutan itu hendaklah bernilai rendah atau tidak mempunyai apa-apa nilai langsung kepada mana-mana orang jika aktiviti pengeluaran balak dihentikan, kecuali jika ianya digunakan berhubung dengan perniagaan membalak dari hutan lain atau mengerjakan ladang selepas kayu balak telah dikeluarkan.
- 4.3 Seseorang boleh membuat pilihan untuk menganggap bangunan tersebut sebagai sebuah bangunan industri yang layak untuk elaun permulaan yang dinaikkan pada kadar 40%. Pilihan untuk menuntut elaun bangunan industri untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah dibuat di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran tersebut. Walau bagaimanapun, pilihan itu tidak terpakai sekiranya bangunan berkenaan digunakan oleh pekerja yang berjawatan pengarah atau kakitangan pengurusan, pentadbiran atau perkeranian bagi perniagaan itu.
- 4.4 Perbelanjaan yang dilakukan atas bangunan yang terletak di dalam hutan sahaja yang layak untuk diberikan elaun tersebut.

Contoh 1

Timberland Sdn Bhd telah diberikan konsesi balak oleh kerajaan negeri Pahang pada bulan Mac 2014. Tempoh konsesi itu adalah selama 10 tahun. Timberland memulakan perniagaan mengeluarkan balak pada bulan September 2014. Biasanya syarikat menutup akaun pada 30 Jun setiap tahun, mengikut tarikh penutupan akaun syarikat induk. Antara bulan Julai 2014 hingga September 2014, Timberland melakukan perbelanjaan untuk pembinaan bagi:

- (a) jalan laterit – RM60,000;
- (b) pejabat tapak di dalam hutan – RM100,000; dan
- (c) kuarters pekerja – RM200,000.

Timberland layak menuntut elaun hutan ke atas perbelanjaan di atas yang dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan Laterit (10%) RM60,000	Pejabat Tapak (10%) RM100,000	Kuarters Pekerja (20%) RM200,000
2015	6,000	10,000	40,000
2016	6,000	10,000	40,000
2017	6,000	10,000	40,000
2018	6,000	10,000	40,000
2019	6,000	10,000	40,000
2020	6,000	10,000	Tiada
2021	6,000	10,000	Tiada
2022	6,000	10,000	Tiada
2023	6,000	10,000	Tiada
2024	6,000	10,000	Tiada

Contoh 2

Woodland Sdn Bhd telah memberhentikan aktiviti mengeluarkan balak dan menyerahkan konsesinya kepada Timberland Sdn Bhd pada bulan Mac 2014. Timberland Sdn Bhd tidak membina apa-apa infrastruktur di dalam hutan. Jalan laterit, pejabat tapak dan kuarters pekerja telah dibina oleh bekas pemegang konsesi balak iaitu Woodland Sdn Bhd. Timberland Sdn Bhd bersetuju membayar pampasan RM400,000 kepada Woodland Sdn Bhd untuk semua infrastruktur yang ada di dalam hutan itu.

Dalam kes ini, Timberland Sdn Bhd tidak layak menuntut elaun hutan atas amaun pampasan yang dibayar berhubung dengan jalan laterit, pejabat tapak dan kuarters pekerja kerana infrastruktur berkenaan tidak dibina oleh Timberland Sdn Bhd.

5. Pemberhentian Kekal Perniagaan Mengeluarkan Balak

Sekiranya seseorang memberhentikan perniagaan untuk mengeluarkan balak kepunyaannya, orang itu akan diberikan suatu elaun bersamaan dengan baki perbelanjaan modal yang belum diberikan dalam tahun perniagaan diberhentikan. Orang itu tidak layak menuntut sebarang elaun hutan selepas perniagaan telah diberhentikan.

Contoh 3

Fakta sama seperti di Contoh 1, kecuali tempoh konsesi adalah 5 tahun. Timberland memberhentikan terus perniagaan mengeluarkan balak pada bulan Februari 2019. Pengiraan elaun hutan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan Laterit (10%) RM60,000	Pejabat Tapak (10%) RM100,000	Kuarters Pekerja (20%) RM200,000
2015	6,000	10,000	40,000
2016	6,000	10,000	40,000
2017	6,000	10,000	40,000
2018	6,000	10,000	40,000
2019	36,000	60,000	40,000

6. Pelupusan Hutan Dan Pengiraan Kenaan Hutan

6.1 Sekiranya orang yang telah melakukan perbelanjaan hutan yang layak melupuskan hutan tersebut, kenaan hutan akan dikenakan ke atasnya dalam tahun pelupusan. Amaun kenaan hutan adalah bersamaan dengan amaun elaun hutan yang telah diberikan kepadanya untuk setiap tahun taksiran dan atas pemberhentian kekal perniagaan mengeluarkan balak. Untuk tujuan mengira kenaan hutan, balasan jualan sebenar yang diterima atau boleh diterima oleh seseorang itu tidak diambil kira.

Contoh 4

Fakta sama seperti di Contoh 1, kecuali Timberland menamatkan perniagaannya pada Disember 2017 dan hutan dilupuskan kepada Agriland Sdn. Bhd. dengan balasan sebanyak RM600,000. Pengiraan elaun hutan dan kenaan hutan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan Laterit (10%) RM60,000		Pejabat Tapak (10%) RM100,000		Kuarters Pekerja (20%) RM200,000	
	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan
2015	6,000		10,000		40,000	
2016	6,000		10,000		40,000	
2017	6,000		10,000		40,000	
2018	42,000	60,000	70,000	100,000	80,000	200,000

- 6.2 Jika hutan dilupuskan selepas berakhirnya tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan perniagaan telah diberhentikan terus sebelum berakhirnya tempoh asas, pelupusan itu dianggap telah berlaku dalam tempoh asas perniagaan diberhentikan.

Contoh 5

Fakta sama seperti di Contoh 4, kecuali Timberland melupuskan hutan kepada Agriland pada Ogos 2018. Dalam kes ini, perniagaan mengeluarkan balak telah diberhentikan terus dalam tahun taksiran 2018 tetapi pelupusan hanya berlaku dalam tahun taksiran 2019. Bagi tujuan pengiraan kenaan hutan, pelupusan dianggap telah berlaku dalam tahun taksiran 2018. Oleh itu, pengiraan elaun hutan dan kenaan hutan adalah sama seperti di Contoh 4.

7. Pilihan Untuk Membahagikan Kenaan Hutan

Seseorang yang telah melupuskan hutan boleh membuat pilihan supaya amaun kenaan hutan dibahagikan sama rata dengan bilangan tahun taksiran yang mana elaun hutan telah diberikan.

Contoh 6

Fakta sama seperti di Contoh 4, kecuali Timberland membuat pilihan untuk membahagikan amaun kenaan hutan. Pengiraan elaun hutan dan kenaan hutan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan Laterit (10%) RM60,000		Pejabat Tapak (10%) RM100,000		Kwarters Pekerja (20%) RM200,000	
	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan
2015	6,000	15,000	10,000	25,000	40,000	50,000
2016	6,000	15,000	10,000	25,000	40,000	50,000
2017	6,000	15,000	10,000	25,000	40,000	50,000
2018	42,000	15,000	70,000	25,000	80,000	50,000

Timberland dikehendaki memaklumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bahawa syarikat telah membuat pilihan di bawah proviso kepada perenggan 32(1), Jadual 3 ACP dan mengemukakan pindaan pengiraan cukai (taksiran tambahan bagi tahun taksiran 2015 hingga 2017) kepada cawangan LHDNM yang menguruskan fail cukai pendapatannya.

Contoh 7

Fakta sama seperti di Contoh 1, kecuali Timberland Sdn Bhd memberhentikan perniagaannya pada Disember 2022 dan melupuskan hutan kepada Agriland Sdn Bhd pada Mac 2023 dengan balasan sebanyak RM600,000. Timberland membuat pilihan untuk membahagikan amaun kenaan hutan. Pengiraan elaun hutan dan kenaan hutan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan Laterit (10%) RM60,000		Pejabat Tapak (10%) RM100,000		Kuarters Pekerja (20%) RM200,000	
	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan
2015	6,000	6,666	10,000	11,111	40,000	40,000
2016	6,000	6,666	10,000	11,111	40,000	40,000
2017	6,000	6,666	10,000	11,111	40,000	40,000
2018	6,000	6,667	10,000	11,111	40,000	40,000
2019	6,000	6,667	10,000	11,111	40,000	40,000
2020	6,000	6,667	10,000	11,111	Tiada	Tiada
2021	6,000	6,667	10,000	11,111	Tiada	Tiada
2022	6,000	6,667	10,000	11,111	Tiada	Tiada
2023	12,000	6,667	20,000	11,112	Tiada	Tiada

8. Kontraktor Pembalakan Yang Bukan Pemegang Lesen

Biasanya seseorang yang diberi konsesi atau lesen balak akan melantik kontraktor pembalakan untuk mengeluarkan balak daripada hutan. Perjanjian akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan kontraktor pembalakan mungkin akan membuat bayaran kepada pemegang lesen.

8.1 Kelayakan untuk menuntut elaun hutan

Seseorang yang bukan pemegang konsesi atau lesen tidak layak menuntut elaun hutan walaupun orang itu telah melakukan perbelanjaan hutan yang layak dan membuat bayaran kepada pemegang konsesi atau lesen bagi mendapatkan hak untuk mengeluarkan balak daripada hutan itu.

8.2 Bayaran yang dibuat oleh kontraktor pembalakan

- (a) Bayaran royalti/premium yang dibayar kepada Kerajaan Negeri atas nama pemegang lesen

Royalti atau premium yang dibayar kepada Kerajaan Negeri oleh seorang kontraktor pembalakan atas nama pemegang lesen semasa mengeluarkan balak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar. Bayaran adalah kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kontraktor pembalakan dan dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- (b) Pembelian balak daripada pemegang lesen

Bayaran yang dibuat kepada pemegang lesen oleh seorang kontraktor pembalakan bagi pembelian balak adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP. Jualan balak tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kontraktor pembalakan.

- (c) Fi lesen.

Fi lesen yang dibayar kepada mana-mana Jabatan Perhutanan oleh seorang kontraktor pembalakan adalah perbelanjaan hasil dan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- (d) Fi ukur dan persempadanan

Fi ukur dan persempadanan yang dibayar kepada mana-mana Jabatan Perhutanan oleh seorang kontraktor pembalakan adalah perbelanjaan hasil dan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- (e) Bayaran untuk menggunakan lesen atau permit

Apa-apa wang yang kena dibayar selain kepada Kerajaan Negeri atau dengan kelulusan Menteri, pihak berkuasa berkanun, atau badan atau kumpulan wang lain yang sebahagian besarnya dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkanun untuk menggunakan lesen atau permit bagi mengeluarkan balak adalah tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar seperti diperuntukkan di bawah perenggan 39(1)(g) ACP.

- (f) Bayaran untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan kerja, menebang, mengeksploitasi dan mengeluarkan balak

Bayaran yang dibuat oleh seorang kontraktor pembalakan kepada pemegang lesen untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan kerja,

menebang, mengeksploitasi dan mengeluarkan balak adalah perbelanjaan modal dan tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar. Sekiranya bayaran kontan dibuat atau telah dipersetujui untuk dibayar oleh kontraktor pembalakan, amaun yang berhubung dengan bayaran untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan kerja, menebang, mengeksploitasi dan mengeluarkan balak perlu ditunjukkan.

(g) **Komisen kepada pemegang lesen**

Komisen yang dibayar oleh seorang kontraktor pembalakan untuk mendapatkan konsesi balak merupakan perbelanjaan modal dan oleh itu tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar.

(h) **Denda atau penalti**

Denda atau penalti yang dibayar kepada mana-mana Jabatan Perhutanan atau pihak berkuasa oleh seorang kontraktor pembalakan kerana pelanggaran undang-undang tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar kerana ia tidak dilakukan dalam menghasilkan pendapatan.

Sama ada bayaran yang dibuat oleh seorang kontraktor pembalakan adalah perbelanjaan hasil atau perbelanjaan modal bergantung kepada fakta bagi setiap kes.

9. Satu Perniagaan Atau Perniagaan Yang Berasingan

Seseorang yang menjalankan aktiviti mengeluarkan balak di hutan dan memproses kayu bergaji (di sebuah kilang papan di kawasan sekitar) adalah secara amnya dianggap menjalankan dua perniagaan berasingan, satu untuk membalak dan satu lagi untuk kilang papan. Orang itu dikehendaki menyimpan rekod berasingan untuk setiap punca perniagaannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**